| | |
|---|---|
| Universiti Malaysia KELANTAN | **KEKOSONGAN JAWATAN TAHUN 2025** |

## SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH UNIVERSITI (TETAP/ KONTRAK)

| BIL. | JAWATAN | GRED | JADUAL GAJI | |
|---|---|---|---|---|
| | | | MINIMUM (RM) | MAKSIMUM (RM) |
| 1. | Guru Bahasa | DG9 | 2,250.00 | 11,110.00 |
| 2. | Pensyarah | DS11 | 3,320.00 | 12,760.00 |
| 3. | Pensyarah Kanan | DS13 | 6,210.00 | 14,370.00 |
| 4. | Profesor Madya | DS14 | 6,560.00 | 15,360.00 |
| 5. | Profesor | VK7 | 7,990.00 | 22,040.00 |

**RUJUKAN:**

1. Sila rujuk **SYARAT-SYARAT PELANTIKAN** seperti di **Lampiran A**.
2. Sila rujuk **SYARAT-SYARAT KENAIKAN PANGKAT STAF (STEPS) AKADEMIK UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)** seperti di **Lampiran B**.
3. Sila rujuk **KEKOSONGAN DI FAKULTI DAN BIDANG** seperti ditawarkan di **Lampiran C.**
4. Sila rujuk **CARA-CARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN** seperti di **Lampiran D**.
5. Sila layari **https://e-recruitment.umk.edu.my/application/LoginUser.**

| | |
|---|---|
| **TARIKH TUTUP PERMOHONAN** | **18 OKTOBER 2025** |

Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan jawatan, sila hubungi:

**Seksyen Pelantikan,**
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
Pejabat Pendaftar,
Universiti Malaysia Kelantan.

spel.hrm@umk.edu.my
09-7797689/ 7674

**LAMPIRAN A**

**Universiti Malaysia Kelantan mencari calon yang bersemangat, mempunyai minda keusahawanan dan strategis bagi mengisi kekosongan jawatan Pensyarah Universiti (Tetap/ Kontrak) dengan kelayakan seperti berikut:**

1) Memiliki Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan memiliki kelayakan profesional dalam bidang yang diperlukan oleh fakulti adalah layak untuk dipertimbangkan sebagai Guru Bahasa, Gred DG9/ Pensyarah, Gred DS11;

2) Memiliki Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan memiliki pengalaman industri sekurang-kurangnya enam (6) tahun dalam bidang yang diperlukan oleh fakulti layak untuk dipertimbangkan sebagai Pensyarah, Gred DS11; atau

3) Memiliki Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah serta menerbitkan sekurang-kurangnya dua (2) artikel dalam jurnal yang diindeks oleh SCOPUS, layak untuk dipertimbangkan sebagai Pensyarah Kanan, Gred DS13.

4) Pertimbangan untuk pelantikan sebagai Profesor Madya, Gred DS14 dan Profesor, Gred Khas C (VK7) adalah seperti syarat kenaikan pangkat UMK seperti di **Lampiran B.**

## SYARAT-SYARAT PELANTIKAN

1) Warganegara Malaysia sahaja.

2) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan.

3) Berumur tidak melebihi 54 tahun pada tarikh lantikan.

4) Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

5) Pelantikan sebagai Pensyarah Universiti, Gred DS11 di Universiti Malaysia Kelantan hendaklah sekurang-kurangnya PNGK 3.00 ke atas/ Kelas Kedua Tinggi/ setaraf di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

6) Pelantikan sebagai Pensyarah Universiti, Gred DS13 hendaklah memiliki Ijazah Doktor Falsafah serta menerbitkan sekurang-kurangnya dua (2) artikel dalam jurnal yang diindeks oleh SCOPUS.

7) Universiti mencari calon yang memiliki Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah dalam bidang yang sama. Calon perlu membuat permohonan jawatan akademik yang bersesuaian dengan keperluan bidang di fakulti-fakulti di UMK.

8) Memperoleh kepujian Bahasa Melayu (termasuk Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

9) Syarat kelayakan Bahasa Inggeris adalah seperti berikut :

| Jawatan | Syarat | Markah/ Skor |
| --- | --- | --- |
| **Pensyarah, Gred DS11/ Guru Bahasa DG9 (selain Guru Bahasa Inggeris)** | *International English Language Testing System (IELTS)* | 5.0 dan ke atas |
| | *Test of English as a Foreign-Language (TOEFL)-IBT* | 35 dan ke atas |
| | *Malaysian University Englist Test (MUET)* | Band 3 dan ke atas |
| | *Common English Framework of Reference (CEFR)* | B1+ dan ke atas |
| • **Pensyarah Kanan, Gred DS13/**<br>• **Profesor Madya, Gred DS14/**<br>• **Profesor Gred Khas C, B dan A** | *International English Language Testing System (IELTS)* | 6.0 dan ke atas |
| | *Test of English as a Foreign-Language (TOEFL)-IBT* | 60 dan ke atas |
| | *Malaysian University Englist Test (MUET)* | Band 4 dan ke atas |
| | *Common English Framework of Reference (CEFR)* | B2 dan ke atas |
| **Guru Bahasa Inggeris DG9** | *International English Language Testing System (IELTS)* | 7.0 dan ke atas |
| | *Test of English as a Foreign-Language (TOEFL)-IBT* | 94 dan ke atas |
| | *Malaysian University Englist Test (MUET)* | Band 5 dan ke atas |
| | *Common English Framework of Reference (CEFR)* | C1 dan ke atas |

**LAMPIRAN B**

## SYARAT-SYARAT KENAIKAN PANGKAT STAF (STEPS) AKADEMIK UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)

1) Pelantikan sebagai Profesor Madya, Gred DS14 di UMK perlu memenuhi semua syarat-syarat kenaikan pangkat bagi Profesor Madya. Syarat-syarat adalah:

| KRITERIA/ BIDANG | SAINS & TEKNOLOGI | SAINS SOSIAL | KLINIKAL |
|---|---|---|---|
| **PENYELIDIKAN** | 3 ketua projek termasuk minimum 1 geran luar, **dan** | 3 ketua projek termasuk minimum 1 geran luar, **dan** | 2 ketua projek termasuk minimum 1geran luar, **dan** |
| | Nilai minimum geran penyelidikan sebagai ketua/ ahli: RM150,000 (Kumulatif) | Nilai minimum geran penyelidikan sebagai ketua/ ahli: RM90,000 (Kumulatif) | Nilai minimum geran penyelidikansebagai ketua/ ahli: RM100,000 (Kumulatif) |
| **PENERBITAN** | Kumulatif – 15 artikel berindeks SCOPUS/ ISI termasuk minimum 10 artikel dan 3 antaranya sebagai penulis utama/ corresponding author di jawatan semasa, **dan** | Kumulatif – 15 artikel berindeks SCOPUS/ ISI termasuk minimum 10 artikel dan 3 antaranya sebagai penulis utama/ corresponding author di jawatan semasa, **dan** | Kumulatif – 15 artikel berindeks SCOPUS/ ISI termasuk minimum 5 artikel dan 3 antaranya sebagai penulis utama/ corresponding author di jawatan semasa, **dan** |
| | h- index (SCOPUS): 3 | h- index (SCOPUS): 2 | h- index (SCOPUS): 2 |
| **PENGAJARAN & PENYELIAAN** | 20 kredit mengajar secara kumulatif, **dan** | 20 kredit mengajar secara kumulatif, **dan** | 20 kredit mengajar secara kumulatifdan 20 jam penyeliaan klinikal seminggu, **dan** |
| | 1 Ph.D bergraduat sebagai Penyelia Utama atau 2 Ph.D sebagai Penyelia Bersama, **dan** | 1 Ph.D bergraduat sebagai Penyelia Utama atau 2 Ph.D sebagai Penyelia Bersama, **dan** | 1 Ph.D bergraduat sebagai Penyelia Utama atau 2 Ph.D sebagai PenyeliaBersama, **dan** |
| | 2 Msc @ 1 Phd bergraduat sebagaiPenyelia Utama, **dan** | 2 Msc @ 1 Phd bergraduat sebagai Penyelia Utama, **dan** | 2 Msc @ 2 Pelatih Kepakaran @ 1 Phd bergraduat sebagai Penyelia Utama, **dan** |
| | Penilaian Pengajaran: Baik (Tahap 4 dan ke atas) | Penilaian Pengajaran: Baik (Tahap 4 dan ke atas) | Penilaian Pengajaran: Baik (Tahap 4 dan ke atas) |
| **SANJUNGAN AKADEMIK (Pencapaian diambilkira dari lantikan Jawatan Semasa)** | Penceramah jemputan Persidangan Kebangsaan/ Antarabangsa : 1, **atau** | Penceramah jemputan Persidangan Kebangsaan/ Antarabangsa : 1, **atau** | Penceramah jemputan Persidangan Kebangsaan/ Antarabangsa : 1, **atau** |
| | Editor Jurnal berindeks: 1, **atau** | Editor Jurnal berindeks: 1, **atau** | Editor Jurnal berindeks: 1, **atau** |
| | Penilai artikel dalam jurnal berindeks – 5, **atau** | Penilai artikel dalam jurnal berindeks – 5, **atau** | Penilai artikel dalam jurnal berindeks – 5, **atau** |
| | Penilai manuskrip buku – 2 | Penilai manuskrip buku – 2 | Penilai manuskrip buku – 2 |
| **PERKHIDMATAN (UNIVERSITI, MASYARAKAT & INDUSTRI) (Pencapaian diambilkira dari lantikan Jawatan Semasa)** | Peringkat Universiti/ fakulti sebagai Pengerusi/ AJK : 2, **dan** | Peringkat Universiti/ fakulti sebagai Pengerusi/ AJK : 2, **dan** | Peringkat Universiti/ fakulti sebagai Pengerusi/ AJK : 2, **dan** |
| | Peringkat kebangsaan sebagai Pengerusi/AJK : 1 | Peringkat kebangsaan sebagaiPengerusi/ AJK : 1 | Peringkat kebangsaan sebagai Pengerusi/ AJK : 1 |
| **PERUNDINGAN (Pencapaian diambilkira dari lantikan Jawatan** | Bilangan rundingan/ pakar rujuk dalambidang kepakaran: 2, **dan** | Bilangan rundingan/ pakar rujuk dalam bidang kepakaran: 2, **dan** | Perundingan sebagai pakar rujuk: 2atau<br>Ketua/ Inovator dalam bidang klinikal:2<br>atau kombinasi tersebut di atas, **dan** |

| KRITERIA/ BIDANG | SAINS & TEKNOLOGI | SAINS SOSIAL | KLINIKAL |
|---|---|---|---|
| **Semasa)** | Nilai perundingan: RM 20,000 sebagai ketua/ ahli | Nilai perundingan: RM 20,000 sebagai ketua/ ahli | Nilai perundingan: RM 20,000 sebagai ketua/ ahli |

2) Pelantikan sebagai Profesor VK7 di UMK perlu memenuhi semua syarat-syarat kenaikan pangkat bagi Profesor. Syarat-syarat adalah:

| KRITERIA/ BIDANG | SAINS & TEKNOLOGI | SAINS SOSIAL | KLINIKAL |
|---|---|---|---|
| **PENYELIDIKAN** | 7 Ketua Projek termasuk 2 geran luar secara kumulatif dengan minimum 2 di jawatan semasa, **dan** | 7 Ketua Projek termasuk 2 geran luar secara kumulatif dengan minimum 2 di jawatan semasa, **dan** | 5 Ketua Projek termasuk 1 geran luar secara kumulatif dengan minimum 2 di jawatan semasa, **dan** |
| | Nilai minimum geran penyelidikan sebagai ketua: RM350,000 (Kumulatif) | Nilai minimum geran penyelidikan sebagai ketua: RM210,000 (Kumulatif) | Nilai minimum geran penyelidikan sebagai ketua: RM250,000 (Kumulatif) |
| **PENERBITAN** | Kumulatif – 30 artikel berindeks SCOPUS/ ISI termasuk minimum 15 artikel dan 6 antaranya sebagai penulis utama/ corresponding author di jawatan semasa, **dan** | Kumulatif – 30 artikel berindeks SCOPUS/ISI termasuk minimum 15 artikel dan 6 antaranya sebagai penulis utama/ corresponding author di jawatan semasa, **dan** | Kumulatif – 30 artikel berindeks SCOPUS/ISI termasuk minimum 15 artikel dan 6 antaranya sebagai penulis utama/ corresponding author di jawatan semasa, **dan** |
| | h- index (SCOPUS): 4 | h- index (SCOPUS): 3 | h- index (SCOPUS): 3 |
| **PENGAJARAN & PENYELIAAN** | 30 kredit mengajar secara kumulatif, **dan** | 30 kredit mengajar secara kumulatif, **dan** | 30 kredit mengajar secara kumulatifdan 30 jam penyeliaan klinikal, **dan** seminggu |
| | 2 Ph.D bergraduat sebagai Penyelia Utama atau 1 Ph.D sebagai Penyelia Utama dan 2 Ph.D sebagai Penyelia Bersama, **dan** | 2 Ph.D bergraduat sebagai Penyelia Utama atau 1 Ph.D sebagai Penyelia Utama dan 2 Ph.D sebagai Penyelia Bersama, **dan** | 2 Ph.D bergraduat sebagai Penyelia Utama atau 1 Ph.D sebagai Penyelia Utama dan 2 Ph.D sebagai PenyeliaBersama, **dan** |
| | 2 Msc @ 1 Phd bergraduat sebagai Penyelia Utama, **dan** | 2 Msc @ 1 Phd bergraduat PenyeliaUtama, **dan** | 2 Msc @ 2 Pelatih Kepakaran @ 1 Phd bergraduat Penyelia Utama, **dan** |
| | Penilaian Pengajaran: Baik (Tahap 4 dan ke atas) | Penilaian Pengajaran: Baik (Tahap 4 dan ke atas) | Penilaian Pengajaran: Baik (Tahap 4 dan ke atas) |
| **SANJUNGAN AKADEMIK (Pencapaian diambilkira dari lantikan Jawatan Semasa)** | Ucaptama/ Plenari Persidangan Kebangsaan/ Antarabangsa : 2, **dan** | Ucaptama/ Plenari Persidangan Kebangsaan/ Antarabangsa : 2, **dan** | Ucaptama/ Plenari Persidangan Kebangsaan/ Antarabangsa : 2, **dan** |
| | Editor Jurnal berindeks: 1, **atau** | Editor Jurnal berindeks: 1, **atau** | Editor Jurnal berindeks: 1, **atau** |
| | Penilai jurnal indeks – 10, **atau** | Penilai jurnal indeks – 10, **atau** | Penilai jurnal indeks – 10, **atau** |
| | Penilai manuskrip buku – 5, **atau** | Penilai manuskrip buku – 5, **atau** | Penilai manuskrip buku – 5, **atau** |
| | Penilai luar bagi pelantikan kenaikan pangkat Prof Madya – 2 | Penilai luar bagi pelantikan kenaikan pangkat Prof Madya – 2 | Penilai luar bagi pelantikan/ kenaikanpangkat Prof Madya – 2 |
| **PERKHIDMATAN (UNIVERSITI, MASYARAKAT & INDUSTRI) (Pencapaian diambilkira dari** | Pengerusi/ Timbalan Pengerusi dalam jawatankuasa/ persatuan/ pertubuhan/ majlis tindakan/ ahli lembaga pengarah dan setara di | Pengerusi/ Timbalan Pengerusi dalam jawatankuasa/ persatuan/ pertubuhan/ majlis tindakan/ ahli lembaga pengarah dan setara di peringkat | Pengerusi/ Timbalan Pengerusi dalam jawatankuasa/ persatuan/ pertubuhan/ majlis tindakan/ ahli lembaga pengarah dan setara di peringkat kebangsaan/ antarabangsa. |

| KRITERIA/ BIDANG | SAINS & TEKNOLOGI | SAINS SOSIAL | KLINIKAL |
|---|---|---|---|
| **lantikan Jawatan Semasa)** | peringkat kebangsaan/ antarabangsa. | kebangsaan/ antarabangsa. | |
| **PERUNDINGAN (Pencapaian diambilkira dari lantikan Jawatan Semasa)** | Bilangan rundingan/ pakar rujuk dalam bidang kepakaran: 5 (Termasuk perundingan berbayar dan tidak berbayar), **dan** | Bilangan rundingan/ pakar rujuk dalam bidang kepakaran: 5 (Termasuk perundingan berbayar dan tidak berbayar), **dan** | Perundingan sebagai pakar rujuk: 5atau<br>Ketua/ Inovator dalam bidang klinikal:5<br>ATAU kombinasi tersebut diatas (Termasuk perundingan berbayar dantidak berbayar), **dan** |
| | Nilai perundingan:<br>RM 50,000 sebagai ketua/ ahli | Nilai perundingan:<br>RM 50,000 sebagai ketua/ ahli | Nilai perundingan:<br>RM 50,000 sebagai ketua/ ahli |

**LAMPIRAN C**

## KEKOSONGAN DI FAKULTI DAN BIDANG

| **1. Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP)** | |
|---|---|
| Bidang | Syarat-Syarat Khas Fakulti |
| Perbankan dan Kewangan Islam | i. Mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana Kewangan Islam; **ATAU**<br>ii. Mempunyai pengalaman mengajar/ bekerja dalam bidang Perbankan dan Kewangan Islam. |
| Logistik | i. Mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana dalam bidang Logistik;<br>ii. Mempunyai pengalaman dalam industri logistik; **ATAU**<br>iii. Mempunyai kelayakan/ keahlian badan profesional *The Chartered Institute of Logistics and Transport* (CILT). |
| Keusahawanan Korporat dan Keusahawanan Inovasi | i. Mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana Pengurusan dan Pentadbiran Perniagaan/ Keusahawanan/ Inovasi;<br>ii. Mempunyai pengalaman mengajar dan menjalankan penyelidikan dalam bidang Keusahawanan Korporat dan Keusahawanan Inovasi; **ATAU**<br>iii. Mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang Pengurusan Korporat dan Inovasi. |

| 2. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) | |
|---|---|
| Bidang | Syarat-Syarat Khas Fakulti |
| Sains (Konservasi) | i. Mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana/ Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br>ii. Mempunyai dedikasi yang tinggi sebagai ahli akademik iaitu terlibat aktif dalam aktiviti penyelidikan perundingan dan penerbitan serta khidmat masyarakat. |
| Pengajian Warisan atau Pengajian Budaya | i. Mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana/ Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br>ii. Mempunyai dedikasi yang tinggi sebagai ahli akademik iaitu terlibat aktif dalam aktiviti penyelidikan perundingan dan penerbitan serta khidmat masyarakat.<br>iii. Mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana/ Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br>iv. Mempunyai dedikasi yang tinggi sebagai ahli akademik iaitu terlibat aktif dalam aktiviti penyelidikan perundingan dan penerbitan serta khidmat masyarakat. |

| 3. Fakulti Senibina dan Ekistik (FSE) | |
|---|---|
| Bidang | Syarat-Syarat Khas Fakulti |
| Senibina | i. Memiliki kelayakan LAM Bahagian II dan berdaftar sebagai Arkitek Graduan; atau<br>ii. Kelayakan LAM Bahagian III dan berdaftar sebagai Arkitek Profesional oleh Lembaga Arkitek Malaysia. |
| Senibina Landskap | i. Memiliki Ijazah Sarjana Muda Senibina Landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan<br>ii. Berdaftar sekurang-kurangnya sebagai ahli graduan Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM). |

| 4.Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) | |
|---|---|
| Bidang | Syarat-Syarat Khas Fakulti |
| Pengurusan Pelancongan<br>Pentadbiran Perniagaan<br>Pengurusan Spa | i. Menunjukkan kebolehan atau berpengalaman luas dalam pengajaran dan pembelajaran.<br>ii. Mempunyai sifat kreatif, inovatif serta berdedikasi sebagai pendidik dan penyelidik<br>iii. Mempunyai rekod yang baik atau minat terhadap penyelidikan dan penerbitan.<br>iv. Berpengalaman dalam industri relevan atau berkaitan |

| 5. Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI) | |
|---|---|
| Bidang | Syarat-Syarat Khas Fakulti |
| Pengurusan Komuniti atau Keusahawanan Sosial | i. Memiliki Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Pengurusan Komuniti atau Keusahawanan Sosial atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan<br>ii. Memiliki Ijazah Sarjana dalam bidang Pengurusan Komuniti atau Keusahawanan Sosial atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan<br>iii. Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br><br>Kriteria Tambahan :<br><br>a. Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai pengalaman mengajar dan boleh mengajar Mata Pelajaran Umum Universiti;<br>b. **Memiliki sijil tahfiz adalah satu kelebihan;**<br>c. Mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang berkenaan atau pengalaman dalam menjalankan penyelidikan dalam bidang berkaitan;<br>d. Mempunyai dedikasi yang tinggi sebagai pendidik, terlibat secara aktif dalam aktiviti perundingan, penerbitan serta khidmat masyarakat;<br>e. Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki mempunyai pengalaman bekerja di institusi awam atau bukan kerajaan;<br>f. Menunjukkan kebolehan atau berpengalaman luas dalam pengajaran dan pembelajaran studio/ kuliah/ tutorial;<br>g. Mempunyai sifat kreatif, inovatif serta berdedikasi sebagai pendidik, penyelidik dan penyelia; dan |

| 5. Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI) | |
|---|---|
| Bidang | Syarat-Syarat Khas Fakulti |
| | h. Aktif dalam aktiviti kemasyarakatan, pembangunan komuniti dan sumbangan luar. |
| **GURU BAHASA**<br><br>Bahasa Jerman | **DG9**<br>Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br><br>**KRITERIA TAMBAHAN**<br><br>a. Menunjukkan kebolehan atau berpengalaman dalam pengajaran dan pembelajaran studio/ kuliah/ tutorial.<br>b. Mempunyai sifat kreatif, inovatif serta berdedikasi sebagai pendidik.<br>c. Keutamaan kepada calon yang memiliki kemahiran dalam bidang teknologi maklumat dan kecerdasan buatan serta mampu memanfaatkannya dalam sesi pengajaran dan tugasan |

| 6. Fakulti Sains Bumi (FSB) | |
|---|---|
| Bidang | Syarat-Syarat Khas Fakulti |
| Hidrogeologi, Eksplorasi, Pengeluaran dan Pemantauan Air Bawah Tanah | i. Memiliki Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Geologi/ Geosains atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br>ii. Mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang berkenaan atau pengalaman dalam bidang berkaitan.<br>iii. Mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam bidang seperti berikut:<br>➢ Hidrogeologi<br>➢ Eksplorasi dan Pengeluaran Air Bawah Tanah<br>➢ Pemantauan Air Bawah Tanah<br>➢ Geokimia |
| Pemodelan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim | i. Memiliki Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Sains Sekitaran, Perubahan Iklim, Pemodelan dan Simulasi Alam Sekitar, Pemodelan, Kejuruteraan Sekitaran atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br>ii. Mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang berkenaan atau pengalaman dalam bidang berkaitan.<br>iii. Mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam bidang seperti berikut:<br>➢ Pemodelan dan simulasi alam sekitar<br>➢ Pengkomputeran saintifik dan analisis data sekitaran<br>➢ Perubahan iklim global dan adaptasi<br>➢ Perakaunan dan pelaporan karbon<br>➢ Mahir menggunakan perisian pemodelan (python, R, GIS etc) |

| 7. Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) | |
|---|---|
| Bidang | Syarat-Syarat Khas Fakulti |
| Sains Tanaman | Menunjukkan kebolehan atau berpengalaman luas dalam pengajaran dan pembelajaran. |

| 8. Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi (FBKT) | |
|---|---|
| Bidang | Syarat-Syarat Khas Fakulti |
| Geologi/ Geosains<br>Perlombongan /Pengkuarian | i. Menunjukkan kebolehan atau berpengalaman luas dalam pengajaran dan pembelajaran.<br>ii. Mempunyai sifat kreatif, inovatif serta berdedikasi sebagai pendidik dan penyelidik.<br>iii. Mempunyai rekod yang baik atau minat terhadap penyelidikan dan penerbitan.<br>iv. Berpengalaman dalam industri relevan atau berkaitan.<br>v. Bepengalaman dalam sektor perlombongan, pengkuarian, atau kajian geosains sangat digalakkan. Ini termasuk kerja lapangan, eksplorasi, pemprosesan mineral, atau penyelidikan akademik.<br>vi. Mempunyai pensijilan profesional, lesen eksplorasi atau perlombongan (jika berkaitan), atau pengalaman dalam pengurusan sumber mineral. |

**LAMPIRAN D**

## CARA-CARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

(1) Pemohon perlu mengisi maklumat permohonan secara atas talian. Sila isi semua maklumat yang diperlukan.

(2) Sila lengkapkan borang permohonan jawatan akademik dan borang laporan pengadil. Dokumen berkenaan hendaklah dimuat naik semula sebelum pembayaran dilakukan.

(3) Permohonan tuan/ puan hanya akan diproses setelah bayaran dibuat. (Sila rujuk kaedah bayaran).

(4) Pemohon perlu memastikan semua maklumat lengkap dan sebarang pengemaskinian tidak dibenarkan setelah pemohon menekan butang 'Hantar'.

**PERINGATAN:**
Permohonan ini tidak akan diproses sekiranya permohonan yang dikemukakan tidak diisi dengan lengkap dan pembayaran tidak dilakukan.

**KAEDAH BAYARAN:**
Pembayaran sebanyak RM10.00 perlu dibuat secara atas talian (*online banking*) sahaja melalui pautan berikut : https://e-recruitment.umk.edu.my/application/LoginUser

Pembayaran perlu dibuat dalam satu transaksi sahaja

Pemberitahuan:
(1) Notis penerimaan bayaran akan dimaklumkan melalui emel yang didaftarkan. Sila pastikan emel yang dimasukkan adalah betul semasa membuat permohonan jawatan.
(2) Sebarang pertanyaan, sila hubungi 09-7797689/ 7674 (8.00 pagi hingga 5.00 petang) atau emel spel.hrm@umk.edu.my

## KETERANGAN AM

(1) Semua pemohon dianggap sebagai peribadi dan sulit. Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk temuduga.

(2) Pemohon yang tidak menerima apa-apa maklum balas selepas enam (6) bulan selepas tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.